

# FIKIRAN DARI MESIR

## MEMPERJUANGKAN KEDAULATAN MELAYU

Bersempena dengan kebangkitan bangsa kita pada hari ini sedang memperjuangkan kedaulatannya di tanah air sendiri, maka sesungguhnya perjuangan mereka lambat sangat akan berjaya kiranya mereka mempunyai keimanan yang teguh kepada cita-cita yang diperjuangkannya itu. Sebagai suatu bangsa pimpinan agamanya tidak pernah terkecewa di dalam perjuangan, malah kejayaan tetap termaktub! Bahkan telah diakui oleh Allah dengan firmanNya: “walau .....” Maksudnya: “Jangan sekali-kali kamu rasa lemah, jangan kamu dukacita, kamulah umat yang tinggi (berkedaulatan dan berkemuliaan – kaf –kaf.) Jikalau kamu sebenar-benarnya beriman kepada Allah.”

(Oleh Al-Adib Husin Azmi)

Kita umat Melayu sebagai satu umat Islam yang percaya kepada Allah dan kekuasaannya serta beriman dengan ajaran-ajaran yang dibawa oleh RasulNya Muhammad (SAW) tentu sekali tidak akan berputus asa dalam berjuang menuju cita-cita bangsa kita iaitu kemerdekaan kerana Tuhan telah menegaskan orang yang berputus asa itu ialah orang yang sesat dan kufur kepadanya. Maka rasanya inilah masanya segenap lapisan bangsa bangun menyusun tenaga perjuangan dan membulatkan kata, sambil berpandu kepada pimpinan agamanya iaitu pimpinan yang sudah tentu menghasilkan kejayaan dengan sepenuhnya.

### BUKAN KEBANGSAAN SAHAJA

Perjuangan Melayu tidak akan berhasil kalau hanya didasarkan kepada fahaman kebangsaan sahaja malah perlu disatu padukan dengan pimpinan agama Islam. (Bahkan agama Islam ialah asas bagi tiap-tiap perjuangan hidup yang hendak mengubah kebahagian di dunia atau pun di akhirat. ‘Pakistan’ tidak akan terdiri jika tidak pelopori oleh perwira-perwira yang berjiwa Islam. ‘Hindustan’ tidak akan

wujud jika tidak pelopori oleh pahlawan-pahlawan tanah air yang berjiwa Hindu. ‘Israel’ tidak akan terdengar riwayatnya jika tidak diperjuangkan oleh anak-anak Yahudi yang berbagai-bagai corak kebangsaannya tetapi tetap berjiwa Yahudi! yakni agamanya. ‘Indonesia’ tidak akan muncul ke tengah-tengah masyarakat dunia jika tidak mengalir darah perajurit-perajuritnya yang delapan puluh peratus daripadanya berjiwa Islam dan didorong oleh semangat jihad fisibleillah! Bahkan negara Komunis pun tidak akan terdiri jika tidak diruntun oleh semangat (fahaman komunis) yang menjulang-julang itu –FK)

-----\*-----\*-----

Sekali lagi saya tegaskan bahawa cita-cita perjuangan Melayu tidak akan berhasil menurut apa yang diinginkan kalau hanya diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin kebangsaan sahaja bahkan pemimpin yang berjiwa agama terutama alim ulama telah tiba masanya mengecimpungkan diri bagi menentukan nasib bangsa Melayu yang sedang berkehendak kepada pimpinan yang selamat sempurna, dan tidak akan selamat selamanya kiranya tenaga Islam dikebelakangkan!